

KUALA LUMPUR, 14 APRIL (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU WARGANEGARA MALAYSIA DI LUAR NEGERI +YANG MEMBURUK-BURUKAN MALAYSIA SUPAYA MENUNJUKKAN SEMANGAT KESEDARAN.

BELIAU BERKATA MEREKA HENDAKLAH MENENTUKAN SAMADA HENDAK TERUS MENJADI WARGANEGARA MALAYSIA ATAU MENYERAHKAN KERAKYATAN MEREKA DAN TINGGAL DI NEGARA-NEGARA ASING.

MEREKA TIDAK BOLEH BERPIJAK SEBELAH KAKI DI NEGARA INI SEMENTARA SEBELAH LAGI DI NEGARA LAIN, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA KE SINI SELEPAS LAWATAN DUA MINGGU KE ARAB SAUDI, MESIR DAN UNITED KINGDOM.

BELIAU BERKATA SETENGAH ORANG MEMBUAT TUDUHAN YANG ANTARA LAIN KONONNYA MALAYSIA TIDAK MENJALANKAN AMALAN DEMOKRASI. +

MEREKA JUGA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PILIHANRAYA DI NEGARA TEMPAT MEREKA BERADA TETAPI TERUS MENJADI WARGANEGARA MALAYSIA, BERTENTANGAN DENGAN PRINSIP TARAF KERAKYATAN TUNGGAL.

SESEORANG ITU TIDAK BOLEH MENJADI RAKYAT DUA BUAH NEGARA+ TAMBAH DR. MAHATHIR. -- BERSAMBONG 1851/LK

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

200

MENGENAI LAWATANNYA KE ARAB SAUDI DIMANA BELIAU MENGHADIRI SIDANG PELAJARAN ISLAM DI MEKAH, DR. MAHATHIR BERKATA LAWATAN ITU AMAT +BERJAYA+.

BELIAU JUGA MENGADAP PUTRA MAHKOTA FAHD DI RIYADH MEMBINCANGKAN KEMAJUAN HUBUNGAN DUA HALA ANTARA KEDUA NEGARA.

DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA TIDAK HARUS MENGHARAPKAN ARAB SAUDI SAJA UNTUK BANTUAN DAN PINJAMAN TETAPI JUGA MEMIKIRKAN CARA IA BOLEH MENOLONG NEGARA-NEGARA ARAB DALAM USAHA PEMBANGUNAN.

MISALNYA MALAYSIA BOLEH MENAWARKAN KAKITANGAN UNTUK PERANCANGAN BAGI MEMBANTU PELAKSANAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN ARAB SAUDI.

BELIAU BERKATA ARAB SAUDI MENGHADAPI MASALAH KEKURANGAN TENAGA PEKERJA SERTA BEKALAN YANG KUNGKIN DAPAT DIADAKAN OLEH MALAYSIA.

MENGENAI MASALAH PEKERJA MALAYSIA DI SANA, BELIAU BERKATA MEREKA KE SANA DI BAWAH PERJANJIAN DENGAN SEKTOR SWASTA.

BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR MENAMBAH KAJIAN MENDALAM PERLU DIJALANKAN BAGI MENGETAHUI KEDUDUKAN SEBENAR. -- BERSAMBUNG

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA MALAYSIA DAN ARAB SAUDI AKAN BEKERJASAMA RAPAT DALAM BIDANG PELAJARAN MELALUI PERTUKARAN PELAJAR DAN PENSYARAH.

BELIAU BERPENDAPAT MALAYSIA JUGA PATUT MENYEDIAKAN TEMPAT BELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGARA INI UNTUK PARA PELAJAR ARAB SAUDI KERANA PADA MASA INI TERDAPAT RAMAI PELAJAR MALAYSIA YANG SEDANG MENUNTUT DI SANA SEDANGKAN TIDAK SEORANG PUN RAKYAT ARAB SAUDI YANG BELAJAR DI MANA-MANA PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI SINI.

MENGENAI LAWATANNYA KE KAHERAH, DI MANA BELIAU MENEMUI KIRAKIRA 600 ORANG PELAJAR MALAYSIA, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MESIR TELAH BERJANJI UNTUK MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK TEMPAT BELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGARA ITU UNTUK PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA.

DR. MAHATHIR JUGA TELAH MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI MESIR, ENCIK MAMDOUH SALEM DAN MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGI PERKHIDMATAN SOSIAL, DR. MOHAMED HAFEZ GHANEN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA TELAH SINGGAH SELAMA 12 JAM DI KUWAIT DI MANA BELIAU MENEMUI SEKUMPULAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA. -- BERSAMBUNG 1920/YF

CC

B643

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

SEMADA DI CARDIFF, UNITED KINGDOM, DR. MAHATHIR TELAH MENEMUI KIRA-KIRA 160 ORANG PELAJAR MALAYSIA DAN MEMBERITAHU MEREKA TENTANG PERKEMBANGAN YANG BERLAKU DI MALAYSIA SERTA MENDENGAR MASALAH-MASALAH MEREKA.

MENURUT BELIAU, MASALAH UTAMA YANG DIHADAPI OLEH PARA PELAJAR PERSENDIRIAN IALAH KENAIKAN BAYARAN MAKTAB.

DR. MAHATHIR, YANG DISERTAI OLEH ISTERINYA, DR. SITI HASMAH, TELAH DISAMBUUT DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR OLEH MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN MENTERI PERUMAHAN DAN KEMAJUAN PERKAMPUNGAN, DATUK MICHAEL CHEN.

TURUT HADIR IALAH TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI, PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO. -- BERNAMA 1924/YF